



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## HARI KEDUA SIRI JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR 2.0 - KELANTAN

Siri Jelajah FTRoadPedia Zon Timur 2.0 tahun 2019 berlangsung selama tiga hari bermula pada 14hb hingga 16hb Februari 2019. Rombongan siri jelajah ini menjelajah jalan persekutuan di tiga buah negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu bermula dari Kompleks Kementerian Kerja Raya.

Pasukan jelajah seramai seratus orang delegasi ini diketuai oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya dan disertai pengurusan tertinggi Kementerian, Rakan KKR dan pihak media.

Matlamat dan objektif FTRoadPedia adalah memberi nafas baharu dan persektif positif jalan persekutuan selain menonjolkan jalan persekutuan sebagai jalan utama dan menikmati sosio budaya setempat bertemakan “*Cipta Detik Indah Bersama*”.

### **PROJEK MEMBINA FLYOVER WAKAF BHARU, KELANTAN PERINTIS KAEDAH BUILDING INFORMATION MODELLING (BIM)**

Pada hari kedua jelajah, delegasi telah melawat dua projek yang sedang dalam pembinaan dan satu projek yang telah siap di sekitar Kota Bharu, Kelantan. Projek pertama yang dilawati adalah Projek Membina *Flyover* dari arah Kota Bharu merentangi Bulatan Wakaf Bharu ke Pengkalan Kubor, Kelantan. Projek ini telah diluluskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) *1<sup>st</sup> Rolling Plan (RP1)* Tahun 2016.

Projek menaiktaraf jalanraya sedia ada bermula di KM4.5 dari jalan Kota Bharu ke Pengkalan Kubor FT134 iaitu 100 meter (m) dari Simpang Empat Pohon Tanjung dan berakhir di KM6.06 dengan panjang keseluruhan 1.56 kilometer (km). Projek ini telah dimulakan pada 19 Februari 2018 dan dijadualkan siap pada 18 Ogos 2021 dengan Kos Pembinaan sebanyak RM99,564,800.00.

Skop kerja utama bagi projek ini adalah kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada kepada jalan 4 lorong 2 hala termasuk membina jejambat (*Flyover*) melintasi bulatan Wakaf Bharu sepanjang 466m, melebar dua (2) buah jambatan sedia ada (Jambatan Alor Kedemit dan Jambatan Atas Rel), menaiktaraf bulatan Wakaf Bharu, pemasangan lampu jalan, pengalihan utiliti dan pengambilan tanah.

Jalan Persekutuan FT134 sedia ada merupakan jalan utama dari Kota Bharu ke Pengkalan Kubor, Kelantan dengan kepadatan trafik yang tinggi terutamanya pada waktu puncak dan musim perayaan.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Dengan siapnya projek ini, ianya akan menjadikan trafik lebih lancar dari arah Kota Bharu – Pengkalan Kubor dan sebaliknya, di samping menyediakan kemudahan jalan yang lebih selesa dan selamat serta pemangkin pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat kepada penduduk setempat dan kawasan sekitarnya.

Projek ini merupakan projek perintis yang menggunakan kaedah *Building Information Modelling* (BIM). Objektif utama penggunaan BIM bagi projek ini adalah untuk membantu proses koordinasi di peringkat perancangan sehingga ke peringkat penyerahan yang menekankan kolaborasi di antara pihak yang terlibat seperti KKR, JKR, Kontraktor dan sub-kontraktor.

Projek perintis BIM ini dilaksanakan dengan mengambil kira tahap ketersediaan BIM (*BIM readiness*) pihak yang terlibat agar pelaksanaan projek tidak terjejas dengan adaptasi BIM. Sehubungan itu, penggunaan BIM (BIM uses) hanya memfokuskan kepada penghasilan visualisasi 3D dan simulasi pembinaan 4D.

Penggunaan BIM bagi projek ini dapat membantu *stakeholder* untuk lebih memahami reka bentuk yang dihasilkan melalui model 3D yang merangkumi cadangan jajaran jalan, jambatan dan jejambat, perabot jalan, kerja pengalihan utiliti serta lot pengambilan tanah yang terlibat.

Selain itu, pihak penyeliaan tapak juga dapat melaksanakan verifikasi program kerja serta memantau kemajuan kerja melalui simulasi pembinaan 4D. Secara tidak langsung, penggunaan BIM dapat meminimumkan konflik kerja di tapak selain dapat mengurangkan kerja ulangan (*reworks*) seperti analisis tapak, analisis *clash/interference* dan penghasilan lukisan 2D daripada model 3D.

### **PROJEK MEMBINA MAHKAMAH KOTA BHARU, KELANTAN (REKA & BINA)**

Projek Mahkamah Kota Bharu, Kelantan (Reka dan Bina) ini dilaksanakan menggunakan kaedah IBS dan akan mempunyai **3 Mahkamah Tinggi, 5 Mahkamah Sesyen dan 5 Mahkamah Majistret**. Pembangunan projek ini adalah untuk menggantikan bangunan Kompleks Mahkamah Kota Bharu sedia ada yang mempunyai **2 Mahkamah Tinggi, 3 Mahkamah Sesyen dan 3 Mahkamah Majistret**.

Objektif pembinaannya adalah untuk mewujudkan ruang kerja yang lebih kondusif sekaligus menyumbang kepada penawaran perkhidmatan yang efisien seterusnya bakal meningkatkan produktiviti bagi penyelesaian kes iaitu Kes sivil dalam tempoh 9 bulan dan Kes jenayah dalam tempoh 12 bulan. Pembinaannya turut menekankan aspek privasi dan keselamatan pengguna yang terdiri daripada hakim, pegawai mahkamah, orang awam dan Orang Kena Tuduh (OKT).

Kontraktor untuk projek ini adalah Cakna Enterprise Sdn Bhd, dengan Kos Kontrak sebanyak RM96,730,888.88. Ia dimulakan pada 2 Jun 2016 dan dijangka siap pada 1 April 2020 (46 Bulan Tempoh Pembinaan).

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Kemajuan fizikal sehingga 27 Januari 2019, adalah sebanyak 90.04 peratus mendahului jadual iaitu 44 peratus. Ini menjadikan projek ini mendahului jadual sebanyak 537 hari atau 46.04 peratus. Kemajuan Kewangan juga mencatatkan pencapaian perbelanjaan sebanyak 87.90 peratus berbanding jadual 42.50 peratus.

Pejabat Tapak Projek Mahkamah ini terletak di Bandar Baru Tunjung, Jalan Pasir Mas – Salor, Kota Bharu, Kelantan di atas tapak berkeluasan 6.723 ekar. Skop pembinaan projek ini adalah 13 Buah Bilik Bicara (3 Buah Bilik Bicara Mahkamah Tinggi, 5 Buah Bilik Bicara Mahkamah Sesyen, 5 Buah Bilik Bicara Mahkamah Majistret), 13 Buah Kamar Hakim (3 Buah Kamar Hakim Mahkamah Tinggi, 5 Buah Kamar Hakim Mahkamah Sesyen, 5 Buah Kamar Hakim Mahkamah Majistret), Pejabat Pendaftaran dan Pentadbiran serta Ruang Pengurusan Polis dan OKT.

### **LEBUHRAYA KOTA BHARU KE KUALA KRAI, KELANTAN (PAKEJ 1B: PASIR HOR KE KADOK)**

Pasukan jelajah turut melalui salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan di Negeri Kelantan iaitu Projek Lebuhraya dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 61.36km yang dibahagikan kepada tiga (3) pakej utama dengan kos keseluruhan sebanyak RM2.4 bilion.

Pakej yang dilalui adalah Pakej 1B dari Pasir Hor ke Kadok. Pakej ini telah dimulakan pada 7 April 2014 dan telah berjaya disiapkan pada 21 Julai 2018 dengan kos pembinaan sebanyak RM217.5 juta.

Skop utama kerja yang dilaksanakan bagi Pakej 1B ialah membina jalan baru 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 7km, sebuah *viaduct* dan enam (6) buah jambatan. Skop tambahan pula ialah menggantikan dan melebarkan Jambatan Pasir Hor, menaiktaraf jalan 2 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR U5 sepanjang 3.5km dan membina jalan susur keluar masuk di Jalan Perol.

Selaras dengan keperluan aspek kesesakan lalu lintas semasa, pelaksanaan projek ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Jalan Persekutuan FT08 sedia ada merupakan jalan utama dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan dengan kepadatan trafik yang tinggi terutamanya pada waktu puncak dan musim perayaan utama. Sehubungan itu, projek ini merupakan laluan alternatif yang lebih selesa dan selamat bagi pengguna yang ingin menuju ke Kuala Krai apabila siap sepenuhnya kelak.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**15 FEBRUARI 2019**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my